

05/03/2003

Warga kota terharu dengan keikhlasan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR: Surat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengucapkan terima kasih kepada warga kota yang memberikan kerjasama menjayakan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13, baru-baru ini mendapat pandangan positif penduduk.

Mereka terharu dengan keikhlasan Perdana Menteri menghargai kerjasama yang diberikan warga kota sepanjang persidangan tiga tahun sekali itu berlangsung.

Kakitangan swasta, Ahmad Suhaimi, 27, berkata perutusan Perdana Menteri memberi semangat baru kepada warga kota untuk terus mengekalkan disiplin yang tinggi bagi memastikan imej negara terus dihormati.

Katanya, persidangan NAM sememangnya diakui sebagai salah satu penganjuran terbaik dan mendapat pujian semua perwakilan dan ketua kerajaan anggota NAM.

"Sebagai rakyat, saya berbangga apabila mendapat pujian Perdana Menteri ketika membaca akhbar hari ini (semalam). Saya tidak sangka Perdana Menteri akan berbuat demikian kerana pada saya itu sudah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat.

"Saya berharap lebih banyak kata-kata semangat diberikan kepada warga kota, bukan saja dari Perdana Menteri, malah menteri lain yang boleh menjadi dorongan kepada warga kota untuk terus maju," katanya semalam.

Nadiah Mohamad, 24, berkata surat itu sememangnya perlu ditunjukkan kepada warga kota selepas segala kerjasama diberikan sepanjang persidangan.

"Bayangkan ada yang menganggap negara ini umpama negara pegganas, tetapi apabila mereka lihat sendiri, ia lebih baik daripada jangkaan mereka," katanya yang turut terbabit menyambut lawatan pasangan ketua perwakilan NAM, di Kompleks Kraf, di sini baru-baru ini.

Halim Jaafar, 43, pula berkata kerjasama masyarakat pada persidangan NAM berupaya meningkatkan integrasi kaum, sekali gus mencerminkan semangat kerjasama semua peringkat masyarakat.

"Sebenarnya amalan mesra yang ditunjukkan masyarakat kita sudah menjadi tradisi dan bukan dibuat-buat ketika kehadiran delegasi luar saja," katanya.

Darren Beins, 35, berkata Perdana Menteri sudah membuktikan keupayaannya menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa dalam suasana aman, sekali gus menolak spekulasi media asing yang masih beranggapan negara ini sebagai negara pegganas.

"Tidak hairan kerjasama rakyat turut mendapat pujian semua perwakilan luar yang kagum dengan tahap disiplin masyarakat Malaysia," katanya.

Dalam surat yang disiarkan oleh akhbar semalam, Perdana Menteri berterima kasih kepada warga kota atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Sidang Kemuncak NAM.

Perdana Menteri berkata, disiplin dan layanan baik yang ditunjukkan kepada tetamu disanjung tinggi oleh semua perwakilan yang tidak putus-putus menyebut perkara berkenaan.